



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
19 MEI 2017 (JUMAAT)

AKHBAR	MUKA SURAT
Berita Harian	
- MPAJ sedia temui penduduk	13
Sinar Harian	
- Terpaksa berumah bawah jejambat	41
Utusan Malaysia	
- Tiada kepakaran, ilmu kosong?	30
Chinapress	
- Occupying parking spaces, gravel flow road surface sewage Works	C3



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 19 MEI 2017 (JUMAAT)	
Akhbar	Berita Harian
Tajuk Berita	MPAJ sedia temui penduduk
Muka Surat	13

BH Jumaat, 19 Mei 2017 Ms.13

→ HALAMAN KOTA

[FOTO FARIZ ISWADI ISMAIL/BH]



Saya ingin mengadakan perjumpaan di Taman Melawati kerana selepas selesai perbincangan, saya ingin membawa mereka melihat keadaan jalan di sini"

Razman Hakimi Abdullah,
Pengerusi Persatuan Penduduk Jalan A, B dan C Taman Melawati

Susur masuk utama ke Taman Melawati dari Lebuhraya Lingkaran Tengah 2, yang didakwa bakal menimbulkan masalah kesesakan.

ISU KESEKAPAN LALU LINTAS DI TAMAN MELAWATI

MPAJ sedia temui penduduk

➔ Bincang kemelut kesesakan lalu lintas, masalah kitar semula

Oleh Azzman Abdul Jamal, Liyana Tarmizi dan Farkhan Abdul Ghapar
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Penduduk Taman Melawati, Hulu Klang, di sini, bersetuju mengadakan perjumpaan dengan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) Rabu depan bagi membincangkan masalah penduduk berhubung kesesakan lalu lintas kawasan perumahan itu.

Pengerusi Persatuan Penduduk Jalan A, B dan C Taman Melawati, Razman Hakimi Abdullah, berkata wakil MPAJ menghubungi beliau pagi kelmarin supaya hadir ke MPAJ semalam bagi membincangkan isu berkenaan.

Bagaimanapun, beliau menolak jemputan itu dan memberitahu MPAJ supaya mengadakan perjumpaan yang lebih teratur disertai notis pemberitahuan awal agar penduduk boleh hadir bersama.

"Saya menghantar surat secara peribadi kepada MPAJ menyatakan bahawa saya tidak dapat berbuat demikian kerana notis pemberitahuan terlalu singkat dan saya enggan hadir seorang diri," katanya ketika dihubungi BH.

Mengulas lanjut, katanya beliau mencadangkan perjumpaan pada 24 Mei ini di Taman Melawati.

"Pihak MPAJ bersetuju dengan tarikh berkenaan, namun lokasi masih belum ditetapkan.

"Saya juga meminta penduduk yang mempunyai kemahiran dalam bidang kejuruteraan serta keselamatan jalan raya supaya menghadir diri pada pertemuan itu. Ia supaya penduduk boleh berbincang sekali gus memberi cadangan dalam menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas ini," katanya.

Tegasnya, sekiranya pertemuan ini diadakan hanya untuk pihak berkuasa tempatan (PBT) itu memberitahu keputusan mereka, beliau tidak mahu menghadir di ri.

Masalah kesesakan lalu lintas

"Saya ingin mengadakan perjumpaan di Taman Melawati kerana selepas selesai perbincangan, saya ingin membawa mereka melihat keadaan jalan di sini," katanya yang mahu MPAJ memandangi serius aduan penduduk.

Pegawai Komunikasi Korporat MPAJ, Norhayati Ahmad, dalam satu kenyataan Selasa lalu menyatakan MPAJ akan mengadakan mesyuarat dengan penduduk berikutan masalah kesesakan lalu lintas di kawasan perumahan itu yang disuarakan sejak lebih sebulan lalu.

Katanya, pihaknya ambil maklum permasalahan penduduk dan memastikan masalah itu tidak akan berlaku pada masa akan datang.

Perjumpaan itu berikutan kegagalan wakil MPAJ hadir ke pertemuan yang diadakan dengan Jabatan Kerja Raya Combak pada Isnin lalu.

Susulan itu, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar, mengingatkan pihak berkuasa tempatan (PBT) di seluruh negara supaya tidak mengambil mudah aduan penduduk.

Katanya, semua aduan penduduk mesti dipandang serius, seterusnya mencari jalan menyelesaikan masalah itu.

Sementara itu berhubung pengurusan isu kitar semula yang turut ditimbulkan penduduk kawasan perumahan itu sebelum ini, Norhayati berkata, MPAJ menjalankan aktiviti pengosongan sisa dengan sebanyak 12 komuniti bagi menjalankan program itu.

Untuk Taman Melawati, MPAJ belum lagi meletakkan sangkar kitar semula dan akan berurusan dengan ahli majlis kawasan untuk menjalankan program berkenaan, katanya.

Katanya, bagi tujuan kitar semula, MPAJ bekerjasama dengan pertubuhan bukan kerajaan, Pertubuhan Amal Seri Sinar (PASS) dan Pertubuhan Kebajikan Masyarakat.

Melalui program kitar semula yang dijalankan ini (PKMKRS), MPAJ meletakkan tujuh tong kitar semula dengan kutipan dilakukan tiga kali seminggu, katanya.

Lokasi tong kitar semula di Taman Melawati adalah di Jalan Melawati A1, bersebelahan Sekolah Jenis Kebangsaan (C) Taman Melawati, Jalan Utama Taman Melawati, Jalan Melawati 4, dan Jalan L1.



Keratan akhbar BH keluaran 16 Mei lalu



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 19 MEI 2017 (JUMAAT)	
Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Terpaksa berumah bawah jejambat
Muka Surat	41

SINAR HARIAN • JUMAAT 19 MEI 2017
@ HUBUNG SEKUTU AMPANG / HULU LANGAT ISMAIL ISMAIL 019 3371003

AMPANG . HULU LANGAT 41

Terpaksa *berumah bawah jejambat*

Jeffry sekeluarga menumpang teduh bawah jejambat MRR2 setelah gagal bayar sewa rumah

PANDAN PERDANA - Sebuah keluarga terpaksa hidup di bawah jejambat Jalan Lingkaran Tengah 2 (MRR2) berhampiran sebuah flat kos rendah di sini sejak dua minggu lalu apabila mereka tidak mampu lagi membayar sewa rumah.

Jeffry Hussin, 42, berkata, dia tidak mampu bayar sewa rumah sebanyak RM1,000, sejak menerima rawatan tulang belakang di hospital.

"Saya juga hanya mampu bayar separuh duit kos rawatan di hospital dan masih perlukan wang sebanyak RM150 seminggu untuk kos ubat serta rawatan terapi," katanya.

Jeffry berkata, dia tidak mampu lagi bekerja sebagai pengawal keselamatan setelah tulang belakangnya retak.

"Saya tak boleh berdiri lama dan akan terjatuh kalau berjalan jauh. Saya jual barangan yang ada serta barangan kitar semula untuk tampung hidup keluarga termasuk empat anak yang masih kecil," katanya.

Menurutnya, kesemua anak perempuannya itu berusia antara lapan bulan hingga lapan tahun.

"Keadaan di bawah jejambat ni tak selesa. Tapi tak ada pilihan, kami terpaksa. Bila hujan lebat pasti air bertakung. Sebelum ni kami pernah nampak ular sawa," katanya.

Sementara itu ibu Jeffry, Fatimah Tinggal, 63, berkata, dia berharap ada pihak sudi berikan sebuah rumah untuk mereka sekeluarga berteduh.

"Makcik harap sangat ada orang simpati dan tolong kami dari segi apa pun kami terima. Kami syukur kalau ada rumah dan Jeffry dapat kerja ikut kemampuan keadaannya sekarang ni," katanya.

Nasib keluarga itu disedari Timbalan Ketua Umno Pandan Jamaluddin Ropa apabila melihat pakaian kanak-kanak dan bayi tersidai di bawah jejambat berkenaan.

Jamaluddin berkata, penguna MRR2 pasti tidak menyangka di bawah jejambat yang mereka lalui itu rupanya dijadikan tempat berteduh keluarga berkenaan.

"Pada awalnya, saya ingat mereka pemandu-pemandu lori yang berehat di bawah jejambat. Tapi, bila berpatah balik, saya terkejut sebaik temampak baju bayi dan kanak-kanak tersidai. Saya lihat ada empat anak kecil sedang bermain di bawah jejambat, saya sedih tengok nasib mereka," katanya.

Jamaluddin berkata, perkara itu telah dimaklumkan kepada Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar.

"Saya harap jasa baik menteri berkenaan dapat memrikan rumah transit sementara kepada keluarga ini," katanya.

Sementara itu, Pengerusi BN Pandan, Datuk Leong Kok Wee berkata, pihaknya dimaklumkan oleh keluarga berkenaan bahawa mereka perlu berpindah ke tempat lain kerana Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) akan mengambill tindakan ke atas mereka.

"Mereka mendakwa pihak berkuasa berkenaan akan menyita barangan keluarga itu, manakala anak-anak mereka pula akan diserahkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)," katanya.

Kok Wee berkata, MPAJ perlu mencari dewan untuk keluarga ini tinggal sementara.

INFO

- Keluarga ini dakwa pihak MPAJ akan sita barangan mereka, manakala anak-anak mereka pula akan diserahkan kepada JKJ.
- MPAJ ada bagi notis kepada keluarga ini supaya mereka pindah. Tindakan roboh belum diambil dan akan bincang dengan JKJ untuk penempatan sementara.
- Jeffry tidak mampu lagi kerja setelah disahkan sakit tulang belakang dan tidak mampu bayar sewa rumah.
- Jeffry ada empat anak perempuan berusia antara 8 bulan hingga 8 tahun.
- Jeffry hanya mampu bayar separuh kos rawatan di hospital dan masih perlukan RM150 seminggu untuk kos ubat serta rawatan terapi.

"Bekas Ahli Parlimen Pandan, Tan Sri Ong Tee Keat ada membina dewan di Taman Maju Jaya, saya harap MPAJ benarkan mereka tinggal sementara di dewan sedia ada itu," katanya.

Dalam perkembangan sama, Pegawai Komunikasi Korporat MPAJ Norhayati Ahmad berkata, MPAJ ada menerima aduan dari pada orang awam berhubung perkara ini.

"Jabatan Kerja Raya (JKR) juga ada maklumkan tidak sesuai keluarga berkenaan tinggal di bawah jejambat itu. MPAJ ada bagi notis agar mereka berpindah, tindakan perobohan belum diambil. Kita juga akan berbincang dengan JKJ untuk penempatan sementara," katanya.

Jeffry bersama isteri dan anak-anaknya.

FATIMAH **JEFFRY**

Kedudukan bawah jejambat MRR2 tempat Jeffry dan keluarganya menumpang teduh.

Kok Wee (tiga, kiri) dan Jamaluddin (kanan) menyampaikan sumbangan kepada keluarga Jeffry.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
 MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
 PANDAN INDAH, SELANGOR,
 55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 19 MEI 2017 (JUMAAT)	
Akhbar	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	Tiada kepakaran, ilmu kosong?
Muka Surat	30

UTUSAN MALAYSIA

JUMAAT • 19.05.2017

kota@utusangroup.com.my

UTUSAN KOTA

Unit Berita Kota
 44, Jalan Utusan,
 Melalui Jalan Chan Sow Lin,
 55200, Kuala Lumpur.
 facebook: Utusan Kota
 Twitter: @UtusanKota
 Laman web: www.utusan.com.my

LEMBANG KLANG
 NEGERI SEMBILAN
 MELAKA

PERBUALAN kakitangan jabatan dalam PBT Selangor bersama Azlan Sani Zawawi yang didakwa tiada pengetahuan berhubung kerja menurap jalan.

MUKADIMAH SIKAP pilih bulu 'orang dalam' pihak berkuasa tempatan (PBT) di Selangor melantik kontraktor atau kakitangan jabatan tidak berpengalaman melaksanakan kerja-kerja turapan dan baik pulih jalan raya didakwa punca utama berlakunya kerosakan berulang.

Prosedur operasi standard (SOP) baik pulih jalan rosak yang perlu dipatuhi bukan lagi jadi keutamaan, sebaliknya sekadar melepas batuk di tangga sahaja.

Skuad Terjah minggu ini meninjau beberapa jalan di kawasan pentadbiran PBT Selangor yang didakwa tidak dilaksanakan secara profesional termasuk menggunakan tenaga kerja yang tidak berkemahiran dalam bidang penyelenggaraan.

PERMUKAAN jalan yang mendap pada penutup lubang utiliti di Jalan Cheras, Berland Cheras, Selangor antara punca kemalangan.

KERJA-KERJA baik pulih jalan rosak di Lebeh Utama, Tanj. Hussein Dam, Cheras, Selangor akibat hampahan dasa konkrit masih belum dilaksanakan MPKJ.

KUALITI turapan tidak sempurna di salah sebuah jalan selain pihak berkuasa tempatan di Selangor. - UTUSAN/

Faktor utama jalan rosak berulang di kawasan PBT Selangor

Tiada kepakaran, ilmu kosong?

■ KUALA LUMPUR 18 MEI

KUALITI jalan raya di Selangor didapati semakin teruk. Sepanjang tempoh lebih dua tahun isu jalan rosak dimainkan akhbar *Utusan Malaysia*, Skuad Terjah mendapati pihak berkuasa tempatan (PBT) di negeri itu masih gagal memastikan jalan raya merupakan salah satu infrastruktur untuk rakyat benar-benar dinikmati dengan selesa dan selamat.

Bukan sahaja berdasarkan tinjauan, aduan daripada orang ramai yang diterima mendapati masalah jalan berlubang, tidak rata dan kualiti turapan tidak sempurna terus berlaku.

Kontraktor dilantik didapati tidak menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan dan baik pulih dengan sempurna apabila jalan yang sebelum ini diturap, rosak semula.

Sebagai contoh jalan raya sekitar Jalan Suakasih dan Jalan Cheras Perdana.

Jalan di bawah seliaan Majlis Perbandaran Kajang itu didapati rosak semula selepas dua minggu kerja-kerja turapan dilaksanakan



Oleh ZULFADLI SHARIFUDIN, FAUZI SHUHAIMI dan AMIRUL AIMAN ANUAR
kota@utusangroup.com.my

kontraktor yang dilantik.

Pengasas Ikatan Silaturrahim Brotherhood, Azlan Sani Zawawi berkata, kegagalan segelintir PBT di Selangor memilih kakitangan mahupun kontraktor berpengalaman menjalankan kerja-kerja baik pulih menjadi faktor utama kepada kualiti jalan raya di Selangor semakin teruk.

Beliau mendakwa terdapat 'orang dalam' kakitangan jabatan berkaitan dan pihak kontraktor tidak mempunyai sebarang kepakaran dan pengetahuan menjalankan kerja-kerja turapan jalan.

"Seorang kakitangan di sebuah

jabatan dalam sebuah PBT di Selangor mengaku tidak diajar atau tidak diberi penerangan tentang kerja-kerja menurap jalan dengan betul.


"Sebaliknya mereka diarahkan menjalankan kerja-kerja turapan selepas dibekalkan peralatan seperti jentera tuapan dan tar jenis premix dari kuari," katanya kepada Skuad Terjah di sini.

Azlan Sani atau dikenali Lando turut berkata, beliau tidak membuat tuduhan semata-mata sebaliknya mempunyai bukti lengkap termasuk rakaman video suara dan gambar.

Menurutnya, terdapat juga situasi yang mana kerja-kerja turapan jalan diserahkan kepada pihak ketiga walaupun syarikat kontraktor utama memenangi tender berkenaan.

"Betul syarikat itu menang tender, tetapi akhirnya kerja-kerja menurap jalan dilakukan pekerja warga asing yang tiada kelayakan dan pengetahuan secara teknikal.

"Sebab itu saya fikir kualiti jalan raya di Selangor dan negeri-negeri lain semakin lama semakin teruk," katanya.



BONGGOL 'halimunan' di Jalan Cheras Perdana, Cheras, Selangor tidak dicat berwarna kuning mengundang bahaya kepada pengguna kenderaan. **UTUSAN/ AHMAD MUHAMMIL HAFLAN**

REAKSI

TURAP JALAN, Sambil LEWA



Di mana integriti kakitangan terlibat dalam menjalankan tugas yang diberikan. Mohon pihak berwajib

jalankan siasatan.
MOHD. AKMAL YUNUS
Pekerja swasta



JIKA benar dakwaan ini sampai bila-bila pun isu jalan rosak tidak akan selesai. Yang menanggung sengsara tentulah rakyat."

ZULAIIDY ZAKARIA
Usahawan



PUNCA kepada kerosakan jalan berulang sudah diketahui. Sewajarnya pihak berwajib bertindak segera menangani masalah ini.
ALIF SUFFIAN TUKIMIN
Pekerja swasta



TUMPAHAN sisa simen konkrit daripada Lori mencacatkan dan membentuk jurang-laci di permukaan jalan raya.

PBT Selangor nafi salah laku

KUALA LUMPUR 18 Mei - Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ) menafikan dakwaan wujud salah laku dalam kalangan kakitangannya berhubung kerja-kerja baik pulih jalan raya.

Yang Dipertuanya Mohd. Sayuthi Bakar berkata, pihak berkuasa tempatan (PBT) itu sentiasa memberi kerjasama dan komited memastikan mutu jalan raya di bawah seliaannya sentiasa dalam keadaan baik.

"Setiap kakitangan terlibat menghadiri kursus berkaitan kerja-kerja turapan jalan raya yang merupakan syarat-syarat utama MPKJ," katanya di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika dihubungi *Utusan Malaysia* bagi memberi maklum balas berhubung dakwaan terdapat 'orang dalam' segelintir PBT di Selangor bersikap pilih bulu melantik kontraktor yang

tiada kepakaran dan pengetahuan menjalankan kerja-kerja turapan jalan.

Sementara itu, YDP Majlis Perbandaran Ampang Jaya,



MOHD. SAYUTHI BAKAR
Abd. Hamid Hussain pula menegaskan, mana-mana kontraktor lautan pihaknya gagal menjalankan kerja-kerja baik pulih jalan raya mengikut piawaian ditetapkan akan disenarai hitam.

"Selepas kerja-kerja turapan dilaksanakan, MPKJ akan menjalankan ujian khas bagi meneliti turapan tersebut.

Jika kontraktor gagal dalam ujian itu, maka turapan perlu dilaksanakan semula atau jika berulang mereka akan disenarai hitam," katanya.

Tambah Abd. Hamid, PBT itu turut menubuhkan skuad khas iaitu 'Road Gang' MPKJ untuk menjalankan kerja-kerja turapan segera jalan berlubang di kawasan pentadbirannya.



REKAHAN dan jalan berlubang di Jalan Suakasih, Bandar Tun Hussein Onn, Cheras, Selangor pernah dibaik pulih MPKJ tetapi kembali rosak.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
19 MEI 2017 (JUMAAT)

Akhbar	Chinapress
Tajuk Berita	Occupying parking spaces, gravel flow road surface sewage works
Muka Surat	C3

地點：瑪迪嘉花園商業區



■张菲倩（右）巡视迟迟未完工的排污系统提升工程。

霸佔泊車位·沙石流路面
排污工程慢且亂

報導 ◆ 林淑慧

（安邦18日讯）位于玛迪嘉花园商业区（Taman Mastika）的排污系统提升工程进度十分缓慢，已超出预期竣工时间11个月仍未完成，更霸佔泊车位，下雨时沙石流到路口，威胁摩哆骑士安全。

民主行动党莲花苑区州议员张菲倩指出，这是配合全国性排污系统提升工程下进行的，该区的部分是在去年初动工，预料3个月到6个月内完成。

危害駕駛者安全

她说，如今已是5月，比预期竣工的时间迟了11个月，工程还没完工之余，也不常见到承包商做工，仿佛像荒废了的工程。

“就连竖立在工地的承包商告示牌上的联络电话，也无法联系。”

张菲倩带领《中国报》巡视工程时，这么指出。

她说，工程如此“荒

19/5/17 C3

溝渠蓋被偷藏危機
商民置放木板提醒

玛迪嘉花园商业区的沟渠盖，大部分都被偷，商民为了安全，自行置放木板或障碍物，以示提醒。

张菲倩说，问题从新年前发生到现在，安邦再也市议会都没有采取补救的行动。

“市议会必须做深入研究，建设不容易被偷的沟渠盖，避免造成市民的不便。”



■基于大部分沟渠盖被偷，商民为了安全，自行置放木板或障碍物。

■排污系统提升工程被指霸佔数个泊车位，加剧商民找泊车位的不便。

“除了霸佔泊车位，也在下雨时，雨水把工地沙石冲到不远处的路口，危害驾驶人士安全。”

“我接获投诉指摩哆骑士会因为路面的沙石滑倒，尤其下雨时更危险。”

她说，基于工地靠近路口，在主要大路转入路口的驾驶人士，可能也会因为来不及闪避工地，继而产生了碰撞。

“这个商业区的泊车位已严重不足，有的商家顾客双重泊车，如今工程还要霸佔了至少5个泊车位，更加引起不满，加上迟迟不完工，恢复泊车位仿佛遥遥无期。”

张菲倩说，去年安邦再也市议会曾举办汇报会，邀请承包商、商民和她出席，承包商在会议上也坦承工程只需要最迟6个月就完成，却没有根据时间完成。